

Aspirasi mahasiswa disuarakan dalam dialog TN50 di Pahang

Mahu Malaysia bebas buli siber

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

KUANTAN - Golongan mahasiswa ingin melihat negara ini bebas daripada perlakuan buli di laman media sosial yang dipercayai didorong masalah kesihatan mental.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, hasrat itu merupakan sebahagian daripada 35 aspirasi dikemukakan mahasiswa yang ingin menyaksikan Malaysia berkembang lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

"Mereka mahu melihat Malaysia menangani masalah kesihatan mental dengan profesional dan penuh belas kasihan, tiada masalah buli dan tiada kecaman di media sosial," katanya.

Khairy berkata demikian ketika mengendalikan Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) antara Kementerian Pendidikan Tinggi dengan Ke-

menterian Belia dan Sukan di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** Kampus Gambang di sini semalam.

Hadir sama pada majlis dialog disertai 5,000 mahasiswa berlainan universiti pada malam kelmarin itu ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Sementara itu, Idris berkata, semua aspirasi dikemukakan pelajar menerusi dialog itu akan dibukukan sebagai bahan rujukan kedua-dua kementerian untuk memastikan ia dapat dicapai.

"Kita sudah mendengar aspirasi mereka dan banyak cadangan yang baik. Ia akan diberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya," katanya.

REAKSI Khairy ketika berucap pada dialog TN50 bersama mahasiswa di UMP Kampus Gambang, Kuantan semalam.

